



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

SME Corp. Malaysia Latih 30 Orang Kelainan Upaya untuk Ceburi Bidang Perniagaan

Bangi, 8 Ogos 2019 – Seramai 30 belia Orang Kelainan Upaya (OKU) dilatih dan dipersiapkan bagi menceburi bidang perniagaan melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 2019 kelolaan SME Corp. Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Program ini merupakan kerjasama di antara SME Corp. Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Program TUBE bagi OKU ini dianjurkan buat kali kedua selepas kejayaan penganjurannya pada tahun 2018, di mana seramai 28 OKU telah berjaya dilatih dan telah memulakan operasi perniagaan yang meliputi pelbagai bidang antaranya penghasilan produk kraftangan, makanan dan minuman, aksesori telefon, kedai runcit, pertanian dan penternakan serta perkhidmatan. Sehingga kini, kesemua usahawan ini telah menjana purata jualan bulanan berjumlah hampir RM100,000. Salah seorang belia OKU yang telah dilatih pada tahun lalu ialah Encik Mierul Syazwan yang mengusahakan produk makanan bebola daging kini telah berjaya mengembangkan perniagaan beliau.

Program yang menyatukan para peserta dari seluruh negara ini memberi peluang kepada golongan belia OKU untuk saling bertukar pengalaman dan idea bagi memulakan perniagaan. Melalui program ini, peserta akan diberi bimbingan dan pendedahan melalui modul seperti Literasi Komputer, Kanvas Model Perniagaan, Pemasaran Digital, Pengurusan Kewangan Perniagaan dan sebagainya.

Bagi menjayakan program TUBE 6.0, 2019 ini, lebih 30 rakan strategik berganding bahu menjalinkan kerjasama samada di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pada tahun ini juga, Maybank menjadi Bank Rasmi bagi Program TUBE.

Majlis pembukaan Program TUBE bagi golongan OKU ini, telah disempurnakan oleh Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia bersama-sama Encik Zulkifli Ismail Ketua Pengarah JKM.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Norliza Mokhtar di talian 03-2775 6175 atau emel – norliza@smecorp.gov.my atau Puan Amira Haryany Mohd Amry di talian 03-2775 6177 atau emel – amiraharyany@smecorp.gov.my

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 603-2775 6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.

SME Corp. Malaysia

-
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.